



PERBEZAAN PANDANGAN TERHADAP MAKSUD SAB'ATUL AHRUF DAN KHILAF BACAAN ILMU QIRAAAT

[DIFFERENCES OF VIEWS ON THE MEANING SAB'ATUL AHRUF AND KHILAF OF READING ILMU QIRAAAT]

MOHD ZAINI SHAFIAI & MOHAMAD MARZUQI ABDUL RAHIM^{1*}

¹ Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA e-mail: zainor93@gmail.com

Corresponding Author: marzuqi@fsk.upsi.edu.my

Received: 10 November 2021

Accepted: 19 November 2021

Published: 12 Disember 2021

Abstrak: Al-Quran diturunkan dengan saba'tul ahruf dan terdiri daripada khilaf bacaan Qiraat. Perbahasan saba'tul ahruf, khilaf bacaan sentiasa menjadi perbahasan dalam perkembangan pembelajaran Ilmu Qiraat. Kajian ini dijalankan berdasarkan kajian kepustakaan. Dapatkan kajian merumuskan bahawa saba'tul Ahruf dan khilaf bacaan al-Quran, sangat terkait dengan Ilmu Qiraat yang menjadi sandaran bagi setiap bacaan al-Quran. Ulama berbeza pendapat terhadap maksud sebenar saba'tul ahruf yang menjadi perbahasan dalam ulum al-Quran dan Ilmu Qiraat. Banyak hadith diselusuri dan ditarjih bagi mendapat keabsahan makna sebenar, maksud saba'tul ahruf. Walau apa pun maksudnya, kalimah saba'tul ahruf adalah mengikut kecenderungan bidang kepakaran masing-masing. Setelah melalui proses atau kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh ulama terdahulu dalam mencari makna saba'tul ahruf, dapat disimpulkan bahawa makna yang dapat disesuaikan dengan saba'tul ahruf adalah, penurunan al-Quran dengan tujuh wajah (bentuk) bacaan yang kita lihat pada hari ini. Namun pada hakikatnya kalimah ini masih lagi menjadi perbahasan dikalangan ulama. Kajian ini diharap menjadi perintis untuk mencari makna saba'tul ahruf yang lebih tepat, serta kaitannya dengan khilaf bacaan Qiraat secara lebih kritis supaya ia dapat ditelaah, dikaji, difahami, diperkasai dan diimplimentasikan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan kepentingannya terhadap cabang ilmu-ilmu Islam.

Kata kunci: Saba'tul ahruf , khilaf bacaan, Ilmu Qiraat

Abstract: The Qur'an was revealed with saba'tul ahruf and khilaf recitation of Qiraat. The debate on saba'tul ahruf, khilaf reading has always been a debate in the development of learning the Ilmu Qiraat. This study was conducted based on a literature review. The findings of the study concluded that saba'tul Ahruf and khilaf recitation of the Qur'an, are closely related to the Ilmu Qiraat which is the basis for each recitation of the Qur'an. Scholars differ on the true meaning of saba'tul ahruf which is debated in the science of the Qur'an and the Ilmu Qiraat. Many hadiths are traced and translated to get the validity of the true meaning, the meaning of saba'tul ahruf. What ever the meaning, the word saba'tul ahruf is according to the inclinations of their respective fields of expertise. After going through the process or methods used by previous scholars in finding the meaning of saba'tul ahruf, it can be concluded that the meaning that can be adapted to saba'tul ahruf is the decline of the Qur'an with the seven faces (forms) of recitation that we see in today. But in fact this sentence is still a debate among scholars. This study is expected to be a pioneer to find a more accurate meaning of saba'tul ahruf, as well as its relationship

with the error of reciting the Qiraat more critically so that it can be studied, studied, understood, strengthened and implemented in aspects of teaching and learning in line with its importance to the branch of knowledge Islam.

Keywords: *Saba'tul Ahruf, khilaf reading, Ilmu Qiraat*

Cite This Article:

Mohd Zaini Shafai & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. 2021. Perbezaan pandangan terhadap maksud sab'atul ahruf dan khilaf bacaan ilmu qiraat [Differences of views on the meaning sab'atul ahruf and khilaf of reading ilmu qiraat]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(4), 104-112.

PENGENALAN

Lafaz *saba'tul ahruf* banyak disebut dalam hadis-hadis Rasulullah S.A.W. Sejarah kemunculan *saba'tul ahruf* seiring dengan penurunan wahyu ketika hayat Baginda Rasulullah SAW. Perkara ini sama sekali tidak dinafikan oleh ulama *Qurra'*, cuma mereka hanya berbeza pandangan dalam mentakrifkannya. Al-Quran adalah lafaz bersifat umum dan *azali* manakala *saba'tul ahruf* adalah lafaz yang bersifat khusus yang merujuk kepada al-Quran (Muhaysin. 1989). Semua mengetahui lafaz al-Quran, namun tidak semua yang mengetahui lafaz *saba'tul ahruf*. *Saba'tul ahruf* adalah lafaz al-Quran yang hakiki, kemudian setiap lafaz ini dinisbahkan kepada ulama *Qurra'* menurut *wajah* bacaan sama ada imam atau perawinya (Al-Qaysiyy. 2007).

Berbeza penggunaan lafaz Qiraat pula, mula tersebar semasa zaman pembukuan ilmu al-Quran terutama pada zaman Ibn Mujahid. Beliau merupakan salah seorang yang bertanggungjawab pada zamannya dalam mengumpulkan Qiraat Mutawatir *sab'ah* berdasarkan syarat-syarat yang tertentu (Al-Qadiy. 1984). Imam Shatibiy pula mengiringi beliau dalam pengumpulan Qiraat ini berdasarkan apa yang dinukilkhan daripada Ibnu Mujahid lalu membukukannya dalam kitabnya yang *mashyur* iaitu *Hirz Amani wa Wajh Tahani* (Al-Qadiy. 1982). Selepas berakhirnya era Imam Shatibiy, pada awal kurun kesembilan, Imam Ibnu al-Jazariy telah menyelesaikan masalah tiga lagi bacaan di mana para ulama sering berbeza pendapat sama ada tiga Qiraat tersebut mutawatir atau sebaliknya. Imam Ibn al-Jazariy menyelesaikan masalah ini dengan menyelidiki dan membuktikan bahawa sanad tiga bacaan berkenaan adalah mutawatir dengan hujah-hujah yang konkret dan bukti-bukti yang jelas (Al-Qadiy. 1984). Dengan penelitian Imam Ibnu al-Jazari ini maka sempurnalah sepuluh Qiraat yang mutawatir dan kesemuanya dibukukan dalam kitabnya yang bertajuk *al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr* (al-Jazariy. 1994).

Bagi pelajar yang mempelajari Ilmu Qiraat, pasti mempelajari *khilaf* bacaan yang merupakan teras utama pembelajaran Ilmu Qiraat. *Khilaf* dalam pembelajaran Ilmu Qiraat merupakan perbahasan pada kalimah *khilaf* yang terdapat dalam al-Quran. Dalam Ilmu Qiraat, kalimah *khilaf* sendiri mempunyai beberapa pembahagian dan pengertian. *Khilaf* Ilmu Qiraat terbahagi kepada dua bahagian iaitu, *Khilaf Wajib* dan *Khilaf Jaiz* yang akan diterangkan nanti (Ali Akbar. 2008).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- a. Mengenal pasti definisi *saba'tul ahruf* terkait dengan Ilmu Qiraat.
- b. Mengela pasti hubungan *saba'tul ahruf* dengan Qiraat *Sab'ah* dan *al-Asharah*
- c. Menilai kedudukan *khilaf* bacaan dalam pembelajaran Ilmu Qiraat

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada kajian kepustakaan dengan menggunakan pendekatan analisis literatur. Dapatkan kajian merujuk kepada perbezaan pandangan ulama terhadap *saba'tul ahruf* dan *khilaf* bacaan dalam Ilmu Qiraat serta hubungan dengan al-Quran.

DIFINISI SAB'ATUL AHRUF

Sab'atul ahruf bermaksud tujuh huruf. Ia terdiri daripada dua perkataan. *Sab'ah* adalah bilangan ‘*adad* yang merujuk kepada angka tujuh manakala *al-ahruf* pula merupakan lafaz *jama'* (bilangan yang banyak) bagi *al-harf*. *Harf* merupakan kalimah Arab yang bermaksud sudut atau tepi dan digunakan untuk salah satu huruf-huruf arab (*hija'i*). *Al-harf* juga digunakan secara kiasan untuk perkataan, bahasa, atau salah satu bentuk sebutan yang berbeza-beza dalam bahasa Arab. Perkataan *al-harf* sendiri juga menepati beberapa maksud seperti *lughah* (bahasa), *kalimah* (perkataan), *ma'na* (maksud) dan *jihah* (wajah/cara) (Al-Jazariy. 1994).

Kalimah (*sab'ah*) menurut *al-Qadi 'Ayyad* (544H) tidak dinisbahkan semata-mata kepada bilangan, bahkan ia memberi keterangan tentang banyak. Bahkan *al-Qasimi* menambah pandangan ini dengan menyatakan ia adalah kepelbagaiannya *wajah* bacaan yang dibaca pada kalimah bertujuan sebagai kemudahan dan keringanan (*Al-Qasimi*. 2011). Menurut Imam Zarkashi *sab'atul ahruf* adalah satu lafaz yang digabungkan (المشترك) dan membentuk satu makna berbilang atau banyak di mana ia bersumberkan daripada Nabi S.A.W (Badruddin bin Muhammad .2001).

Terdapat banyak pentakrifan yang diberikan oleh para ulama mengenai *saba'tul ahruf*. Pengkaji akan menukilkan beberapa pendapat yang *masyhur* dalam kalangan mereka dan mengategorikannya kepada dua bahagian iaitu:

Pertama: Pengertian yang membawa maksud dari aspek bahasa atau pun *lahjah*:

- a. Menurut Abu Shamah (665H), *saba'tul ahruf* merujuki tujuh *wajah* yang terdapat dalam *Usul Qiraat* yang menjadi *khilaf* antara *Qurra'* seperti *Silah Mim al-Jama'* dan *Ha' al-Damir* dan sebaliknya (*tiada silah*), *Idgham*, *Izhar*, *Mad* dan *Qasr*, *Tahqiq al-Hamzah* dan *Takhfif*, *Fath* dan *'Imalah*. *Waqaf* dengan *Sakin* dan dengan *Isyarat* (*Raum* dan *Ishmam*). *Membariskan al-Ya'* (sama ada menanda *sukun*, *ithbat* dan membuangkannya).

- b. Menurut al-Qasimi pula (1332H) pemahaman *saba'tul ahruf* bukan dimaksudkan dengan bilangan tertentu bahkan ia menunjukkan kalimah yang dibaca dengan pelbagai *wajah* sebagai salah satu bentuk kemudahan dan keringanan.
- c. Imam al-Tabari pula berpendapat *saba'tul ahruf* membawa maksud tujuh *lughah* (bahasa, dialek atau *lahjah*) yang lahir dari pelbagai *Qabilah* Arab yang berlainan bahasa percakapannya. Dalam erti kata yang lain, al-Quran diwahyukan dengan tujuh lafaz bahasa Arab yang berbeza menunjukkan makna yang sama seperti (أذهب أسرع عجل) *Azheb Asruq Ujul* (هلم تعل أقبل قصد) yang memiliki satu makna iaitu: “datang ke mari”.
- d. Menurut Abu Ubaid al-Qasim bin Salam (224H), pengertian *saba'tul ahruf* bukanlah yang dimaksudkan *huruf* yang satu itu dibaca dengan tujuh wajah. Akan tetapi *saba'tul ahruf* membawa maksud tujuh bahasa (*lahjah*) yang paling *fasih* daripada *qabilah-qabilah* Arab yang wujud dan didapati bertaburan di serata tempat dalam al-Quran. Setiap *Harf* itu diturunkan berbeza-beza bahasa menepati *qabilah-qabilah* yang wujud. Ini bermakna al-Quran secara keseluruhannya tidak lari daripada menggunakan ketujuh-tujuh bahasa ini. Sebahagian al-Quran terdiri daripada bahasa *Quraish* dan sebahagiannya pula daripada bahasa *Hudhail*, *Tamim*, *Thaqif*, *Hawazin*, *Kinanah* dan *Yaman*.

Kedua: Pengertian yang membawa maksud *wajah* perubahan dan perbezaan yang berlaku pada kalimah.

Menurut Imam Ibnu al-Jazariyy (1994), beliau membuat rumusan mengenai *saba'tul ahruf* setelah mengkaji *Qiraat Sahih*, *Shadzah*, *Daif* dan *Munkar*. Perbezaan yang berlaku itu merujuk kepada tujuh keadaan iaitu:

- a. Perubahan berlaku pada baris sahaja tetapi tidak berlaku perubahan pada makna dan bentuk tulisan seperti (Humazah. 104:3) **كَلِمَاتٍ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَةً** Kalimah yang bergaris iaitu huruf *sin* dibaca *Dhumah* dan *Kasrah*.
- b. Perubahan berlaku pada makna sahaja tetapi tidak berlaku perubahan pada bentuk tulisan. Contoh (al-Baqarah 2: 37) **فَتَنَقَّى آدُمْ مِنْ رَبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ إِنَّهُ هُوَ الْوَّابُ الرَّحِيمُ** Kalimah yang bergaris ini juga dibaca dengan *dammah* yang membawa perubahan pada makna tetapi tidak berubah pada tulisan.
- c. Perubahan berlaku pada huruf dan makna sahaja tetapi tidak berlaku perubahan pada bentuk tulisan. Contoh, (Yunus 10:30) **هُنَالِكَ تَبْلُو كُلُّ نَفِسٍ مَا أَسْلَفَتْ**. Kalimah yang bergaris ini juga dibaca dengan *nttawwa*.
- d. Perubahan berlaku pada huruf dan bentuk tulisan sahaja tetapi tidak pada makna. Contoh, (al-Fatihah 1:6) **إِهِنَا الصِّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ**. Kalimah yang bergaris ini juga dibaca dengan huruf *sin* dan juga secara *ishmam*.
- e. Perubahan berlaku pada huruf dan bentuk tulisan sahaja. Contoh, (An-Nur 24: 22) **وَلَا يَتَأَلَّ أُولُوا الْفَضْلِ مِنْكُمْ وَالسَّعَةُ**. Pada kalimah yang bergaris ini juga dibaca dengan *nttawwa*.
- f. Perubahan berlaku pada aspek mendahulukan (*taqdim*) dan dan mengakhirkan (*ta'khir*) sesuatu kalimah. Contoh, (Ali Imran 3:195) **وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لَا كُفَّارٌ عِنْهُمْ سَيِّئَاتُهُمْ**. Pada kalimah yang bergaris ini juga dibaca dengan menukar kalimah yang di depan ke belakang iaitu **وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا**.

- g. Perubahan berlaku pada aspek penambahan dan pengurangan huruf. Contoh, (Ali Imran 3: 133) وَسَارُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مَّنْ رَّيْكُمْ وَجَنَّةٌ. Pada kalimah yang bergaris ini juga dibaca tanpa huruf *waw*.

Imam *Abul Fadl ar-Razi* yang juga menjadi pilihan bagi *Syeikh Abdul Fatah Al Qodhi* seperti yang disebut di dalam kitab *Taqrib al-Ma’ani* (Syed Lasyin.1996) menyatakan bahawa *saba’tul ahruf* adalah berasaskan tujuh prinsip yang utama iaitu :

- a. Perbezaan bentuk *isim* : (اختلاف الأسماء في الإفراد والتثنية والجمع)
 1. Dalam bentuk (*mufrad, muthanna, jama*) seperti *mufrad* (خطيئته) dan *jama* (خطيئاته).
- b. Perbezaan bentuk *fī’il* : (اختلاف تصريف الأفعال من ماض ومضارع وامر)
 3. Dalam bentuk (*madhi, mudhari’, amar*) seperti *madhi* (قال اولوجئتكم) dan *amar* (أقل اولوجئتكم).
- c. Perbezaan bentuk *I’rab* : (اختلاف وجوه الإعراب)
 5. Dalam bentuk (*rafa’, nasab, jar, jazam*) seperti *jar* (حسنٌ) dan *nasab* (حسنة).
- d. Perbezaan bentuk *naqis* atau *ziadah* : (اختلاف بالإثبات والحدف)
 6. Seperti (*dibuang waw*) dan (*ditambah waw*).
- e. Perbezaan bentuk *takdim* dan *takhir* : (اختلاف بالتقديم والتأخير)
 7. Seperti *وقاتلو* dan *وقاتلوا*
- f. Perbezaan bentuk *tabdil* : (اختلاف بالإبدال)
 8. Ganti huruf atau kalimah seperti *فتبنوا* dan *فتتبثتوا*.
- g. Perbezaan bentuk dialek (*lahjah*) : (اختلاف اللهجات الإماله والإدغام و الفتح والاتقليل)
 9. Seperti (*imalah, taqlil, idgham*) dan lain-lain.

Para ulama Islam telah berbeza pandangan dalam mentafsirkan makna *saba’tul ahruf*. Menurut Imam (as-Suyuti. 1973) bahawa terdapat banyak pendapat ulama dalam memberi pengertian tersebut seperti al-Qasim bin Thabit menyatakan ia bermaksud tujuh bahasa utama bangsa Arab. Namun, secara ringkasnya maksud *saba’tul ahruf* yang dipilih sebagai amalan pembelajaran Ilmu Qiraat di Malaysia, adalah pendapat *Imam Abul Fadl ar-Razi* yang juga menjadi pilihan bagi *Syeikh Abdul Fatah Al Qodhi*. Ini kerana amalan pembelajaran Ilmu Qiraat di Malaysia lebih merujuk kepada kitab *Taqrib al-Ma’ani*.

Kesimpulannya, dapat difahami bahawa *saba’tul ahruf* bukanlah bermakna Qiraat imam yang tujuh, bahkan ia merupakan satu juzuk daripada *saba’tul ahruf* berdasarkan pengertian di atas yang telah diterima pakai oleh para *Qurra’* yang menjurus i bidang ini seperti *Syeikh Abdul Fatah Al Qodhi*.

HUBUNGKAIT SAB’ATUL AHRUF DENGAN QIRAAT SAB’AH DAN ‘ASHARAH

Terdapat lima aspek asas yang dapat dihubungkaitkan antara *saba’tul ahruf* dengan *Qiraat sab’ah* dan *al-‘asharah*:

- a. *Sab’atul ahruf* adalah al-Quran. Al-Qiraat *al-sab’ah* dan *al-‘asharah* (*Juz’i/ Khusus*) pula adalah sebahagian daripada *saba’tul ahruf* ataupun al-Quran (*Kulli/Ummum*).

- b. Aspek pelopor. Terminologi al-Quran dan *saba'tul ahruf* dibina oleh wahyu Ilahi yang terdapat banyak disebut dalam al-Quran itu sendiri dan hadis Rasulullah S.A.W manakala terminologi al-Qiraat *al-sab'ah* diasaskan oleh Ibn Mujahid dan al-Qiraat *al-'Asharah* pula diasaskan oleh al-Jazariy.
- c. Aspek sejarah kemunculan. al-Quran dan *saba'tul ahruf* muncul seiring wahyu ketika hayat Nabi S.A.W tetapi *al-Qiraat al-sab'ah* muncul pada kurun keempat hijriyyah.
- d. Aspek bilangan. Bilangan *saba'tul ahruf* bersifat *Qat'i*. Manakala bilangan Qiraat *Sab'ah* dan *al-'Asharah* berdasarkan *zanni*' ijtihad kalangan ulama.
- e. Aspek umum (*kulli*) atau khusus (*juz'i*). *Sab'atul ahruf* adalah umum manakala *Qiraat al-sab'ah* dan *al-'asharah* adalah khusus. Dalam erti kata yang lain, *Qiraat al-sab'ah* dan *al-'asharah* adalah sebahagian (*juz'i*) daripada *saba'tul ahruf* (*kulli*) dan ia (*saba'tul ahruf*) adalah al-Quran yang masih kekal dan terpelihara hingga ke hari ini.

Lafaz *Qiraat sab'ah* ataupun '*asharah* yang diriwayatkan oleh kalangan *Qurra'* *sab'ah* mahupun '*asharah* tersebut adalah sebahagian daripada *saba'tul ahruf* dan merupakan lafaz-lafaz al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah S.A.W. Rantaian *sanad* yang *mutawatir* kalangan *Qurra'* berkenaan pula menjadi bukti kukuh kepada rantaian penjagaan al-Quran bahawa kesemuanya bersambung kepada Rasulullah S.A.W.

KHILAF BACAAN DALAM PEMBELAJARAN ILMU QIRAAT

Khilaf dalam pembelajaran Ilmu Qiraat merupakan perbahasan pada kalimah *khilaf* yang terdapat dalam al-Quran. Dalam Ilmu Qiraat, kalimah *khilaf* sendiri mempunyai beberapa pembahagian dan pengertian. *Khilaf* Ilmu Qiraat terbahagi kepada dua bahagian iaitu, *khilaf Wajib* dan *khilaf Jaiz*.

Khilaf wajib adalah merangkumi apa yang dimaksudkan dengan *Qiraah*, *Riwayah* dan *Turuq* (Muhammad Khalid Abdul Aziz. 1999). *Qiraah* ialah *khilaf* yang disandarkan kepada salah seorang daripada para imam *Qurra* secara *ijma'* (tanpa ada perbezaan antara kedua-dua perawinya). Contoh kalimah (حَسِيبَ), Imam Nafi' membaca dengan *kasrah* pada *sin* di setiap kalimah ini dalam al-Quran. Bacaan ini dikira sebagai *ijma'* di mana kedua-dua perawi beliau tidak meriwayatkan sebarang perbezaan daripadanya (Abd. Halim Muhammad Hadi Qabb. 1999). Lantaran itu, ia dinamakan sebagai *Qiraah Nafi'*.

Riwayah pula *khilaf* yang disandarkan kepada perawi Imam. Contoh, Warsh (salah seorang perawi Nafi') membaca dengan *naqlu* baris hamzah kepada huruf sebelumnya. Sebab itu ia dinamakan *riwayah* Warsh daripada Imam Nafi'. Manakala *Turuq* pula *khilaf* yang disandarkan kepada periwayatan bacaan perawi terkemudian daripada perawi Imam. Contoh, Abu Ya'aqub Yusuf bin Umar al-Azraq (perawi Warsh) membaca *mad badal* dengan tiga *wajah*. Lantaran ia dinamakan *Tariq al-Azraq* daripada Warsh daripada Imam Nafi'. Seseorang yang bertalaqqi al-Quran tidak akan mencapai kesempurnaan bacaan, jika tidak memelihara *khilaf* berkenaan dalam pembacaannya. Ini kerana ia boleh menyebabkan kekurangan dalam riwayat bacaan berkenaan. Walaupun hukumnya bukan wajib dari segi hukum tilawah kerana hakikat *khilaf* dalam Ilmu Qiraat adalah bersifat *tanawwu'* di mana kesemuanya adalah benar dan pemilihan bacaan terhadap Qiraat adalah bersifat *ikhtiyariyyah*, namun perlu ada generasi yang menguasainya demi memelihara keseluruhan al-Quran.

Khilaf jaiz pula ialah *khilaf* pada *wajah* bacaan yang diriwayatkan dalam kalangan *Qurra'* dan pembaca boleh memilih dan harus untuk membaca dengan mana-mana *wajah* yang ada tanpa mewajibkan untuk mendatangkan kesemua *wajah* bacaan tersebut (Abd. Halim Muhammad Hadi Qabb.1999). Contoh, di kalangan *Qurra'* seperti Ibnu Kathir, ‘Asim, al-Kisa’i, Abu Ja’afar, *riwayat* Qalun daripada Nafi’, melalui *tariq* Asbahani daripada Warsh dan melalui *tariq al-Azraq* daripada Warsh, mereka mengithbatkan *basmalah* (membaca) antara dua surah. Dalam masa yang sama, terdapat tiga *wajah* bacaan sebagaimana mereka mempraktikkan bacaan *basmalah* antara dua surah. Ketiga-tiga *wajah* bacaan itu ialah:

- a. Pertama, berhenti pada akhir surah, berhenti pada *basmalah* dan baca awal surah.
- b. Kedua, berhenti di akhir surah, menyambung *basmalah* dengan awal surah.
- c. Ketiga, menyambung akhir surah dengan *basmalah* dan awal surah sekaligus dengan nafas yang sama.

Ketiga-tiga *wajah* bacaan ini tidak dinamakan sebagai tiga *Qira’ah* ataupun tiga *riwayat* ataupun tiga *turuq* bahkan ia dinamakan sebagai *al-wajah*. Imam al-Jazari menggatakan perbezaan antara kedua-dua *khilaf* ini di mana *Qira’at*, *Riwayah*, *Turuq*. *Khilaf Wajah* ataupun *Awjuh* adalah khilaf pilihan sahaja. Seseorang hanya perlu mendatangkan salah satu *wajah* bacaan dari jumlah *wajah* yang ada dan dianggap memadai bagi *riwayah* dan tidak mencacatkannya.

Khilaf yang berlaku pada Qiraat adalah berkesinambungan daripada pengambilan al-Quran ataupun *sab’at al-ahruf*. Antara faktor utama *khilaf* pada Qiraat adalah bertitik tolak di awal pengambilan al-Quran itu sendiri di mana Nabi S.A.W menerima al-Quran dalam lafaz yang pelbagai (*sab’at al-ahruf*). Para sahabat R.A pula mengambil periwayatan yang berbeza-beza daripada Nabi S.A.W. Keadaan ini berterusan terjadi pada zaman menyusuri mereka namun dalam keadaan dan situasi yang berbeza-beza. Secara kesimpulan, dapat dirumuskan bahawa sebab *khilaf* pada Qiraat hanya terfokus kepada satu faktor sahaja kerana ia adalah wahyu hakiki dan bersifat *tawqifi* daripada Allah S.W.T.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menjelaskan pengertian *sab’at al-ahruf*, *khilaf* bacaan Qiraat serta kaitan dengan al-Quran. Penurunan al-Quran dengan *sab’at al-ahruf* secara tidak langsung merupakan satu *rukhsah* yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada umat Islam. Dengan memahami perbahasan dan perbezaan difinisi *sab’at al-ahruf* dan *khilaf* Qiraat *al-Mutawatirah* dapat memelihara kesucian wahyu Ilahi yang hakiki.

Rujukan

- Ahmad Abdul Rahim. (2011). *Fitnah al-Asanid wal-Ijazati al-Quraniah*. Tanta, Mesir: Dar as-Sahabah li-Turath.
- Ahmad bin Hanbal, tahqiq: Syu'aib al-Arnaut & Adil. (1995). *Musnad*. Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Saad. (2013). *Asanid al-Qiraat wa Manhaj al-Qurra' fi Dirasatiha*. Barnamij Qurasi al-Bahs.
- Ali Akbar (2008). *Membalik Sejarah Pengumpulan dan Penulisan al-Quran*. Kertas Kerja. Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- al-Dhahabi. (2004). *Siyar A'lam an-Nubala'*. Lubnan: Bait al-Afkar ad-Dauliyah.
- Ibn al-Jazariyy, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf (1977). *Munjid al-muqr'i'in*. Kaherah. Makatabah al-Jumhuriyyah.
- Ibn al-Jazariyy, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf (1994). *Toyyibat al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Madinah. Makatabah Dar al-Huda.
- Ibn al-Jazariyy, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf (1994). *al-Durrah al-Madiyyah*. Madinah. Makatabah Dar al-Huda.
- Ibn al-Jazariyy, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf (2004). *Tahbir al-tayyisir fi al-Qiraat al-'ashr*. Jamaluddin Muhammad Syaraf (tahqiq). Tanta. Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Ibn Khaldun (2000). *Maqaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Ibn Mujahid, Abu Bakr (1988). *Kitab al-sab 'ah fi al-Qiraat*. SyawqiyDayf (tahqiq.), cet.3. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ali Bin Yusuf. *Matan Tayyibatu al-Nasyru fi al-qira'ati al-Asyr*, Maktab Dar- Al-Huda. Madinah al-Munawwarah.1994.
- Muhaysin, Muhammad Muhammad Salim (1978). *Al-Tazkirah fi al-Qiraat al-Thalath al-Mutawatirah wa Tawjihih min Tariq al-Durrah*. Kaherah. Maktabah al-Kaherah.
- Muhaysin, Muhammad Muhammad Salim (1982). *Al-Irshadat al-jaliyyah fi al-Qiraat al-sab ' mintariq al-Shatibiyyah*. Kaherah. Al-Idarah al-'Ammah lil Ma'ahid al-Azhariyyah.
- Muhaysin, Muhammad Muhammad Salim (1992). *Muhadhdhab fi al-Qiraat al-'ashr wa tawjihih min tariqtoyyibahal-nashr*. Kaherah. Al-Idarah al-'Ammah lil Ma'ahid al-Azhariyyah.
- al-Qadi, 'Abd al-Fattah (1982), *Al-Wafi fi sharh al-Shatibiyyah fi al-Qiraat al-sab '*. Kaherah. Al-Idarah al-'Ammah lil Ma'ahid al-Azhariyyah.
- al-Qadi, 'Abd al-Fattah (1984), *Tarikh al-Qurra' al-'asharah wa ruwatihim wa tawatur Qiraatihim wa manhaj kul fi al-Qira'ah*. Kaherah. Al-Idarah al-'Ammah lil Ma'ahid al-Azhariyyah.
- al-Qadi, 'Abd al-Fattah (1989). *Al-Budur al-zahirah fi al-Qiraat al-'ashr al-mutawatirah*. Kaherah. Al-Idarah al-'Ammah lil Ma'ahid al-Azhariyyah.
- al-Qastalani (1972), *Lata'if al-Isharat Li Funun al-Qiraat*. jld. 1, Kaherah: Al-Majlis al-A'la Li al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Qaysi, Abi Muhammad Makki bin Abi Talib (2007). *Al-Kasyf 'an wujuh al-Qiraat al-sab ' wa 'ilalihha wa hujajihha*. Juz 1. Kaherah. Dar al-Hadith.

Rajih, Muhammad Karim (2000). *Al-Qiraat al-'asyarah al-mutawatirah min tariqay al-Shatibiyyah wa al-Durrah*. Cet. 3.al-Madinah al-Munawwarah. Dar al-Muhajir li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Suyuti al-, *al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*, Kaherah, 1973.

Syed Lasyin Abu Al-Farah dan Khalid Muhammad al-Hafiz. *Kitab Taqrib al-Maa'ni fi syarhil hirzil Amani fi al-Qiraat al-sab'i*. Dar al-Zaman. Madinatul Munawwarah. 1996.